

7.12.2020

KENYATAAN MEDIA
oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

PENEROKAAN MINERAL *RARE EARTH ELEMENTS* AKAN ANCAM KESELAMATAN BEKALAN AIR DI PERLIS, KEDAH & PULAU PINANG

PULAU PINANG, Isnin, 7.12.2020: Kelulusan oleh Menteri Besar Kedah untuk permit penerokaan berskala besar di Ulu Muda akan menjelaskan bekalan air di 3 negeri utara Malaysia dan membahayakan bekalan air bagi 4.2 juta orang penduduk.

Menurut laporan Astro Awani pada 2.12.2020, Menteri Besar Kedah, YAB Muhammad Sanusi Md. Nor menyatakan pentadbiran negeri itu telah meluluskan permit kepada sebuah syarikat untuk penerokaan mineral berskala besar yang dirujuk sebagai “*rare earth elements*” (REE) di Ulu Muda, Sik dan Baling.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Sumber Asli dan Tenaga (NRE) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mesti bekerjasama untuk menghentikan usaha berbahaya ini dengan segera. Menteri Besar Kedah telah dengan mudah melupakan yang Ulu Muda adalah kawasan tадahan air terbesar dan terpenting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Operasi penerokaan berskala besar di Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda seluas 163,000 hektar akan melibatkan pembukaan tanah berskala besar di mana sahaja mineral tersebut dijumpai. Penebangan pokok, perataan bukit, kerja mendirikan kuari besar dan menggali ke bumi akan menyebabkan kemusnahan besar di persekitaran hutan hujan. Perlombongan juga akan memberi kesan buruk kepada Sungai Muda, sumber air mentah yang strategik.



Kerosakan kekal dan berisiko tinggi

TIADA CARA untuk menjalankan perusahaan perlombongan berskala besar di Ulu Muda tanpa memusnahkan hutan hujan yang menadah air hujan yang mengalir ke Sungai Muda sebagai air mentah. Dalam hal ini, Ulu Muda adalah penghubung pertama dalam rangkaian nilai bekalan air NCER yang memenuhi keperluan air penduduk dan perniagaan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Kira-kira 70% air mentah Perlis dan 96% air mentah Kedah datangnya dari Ulu Muda. Lebih daripada 80% air mentah yang diabstrak oleh PBAPP dari Sungai Muda, di muka sauk Lahar Tiang di Pulau Pinang, berasal dari Ulu Muda.

Ulu Muda tidak dapat terus berfungsi sebagai kawasan tадahan air semula jadi utama untuk 3 negeri NCER jika hutan hujannya ditebang, bukitnya diratakan dan lanskapnya dicalarkan oleh operasi perlombongan. Potensi kerosakan kemungkinan akan kekal.

Oleh itu, penerokaan REE di Ulu Muda pasti akan meletakkan perkhidmatan bekalan air untuk 3 negeri dalam bahaya. Ini akan membahayakan bekalan air, perkhidmatan awam yang penting bagi 4.2 juta orang. Ribuan perniagaan yang berusaha bertahan dan menghidupkan semula operasi mereka ketika pandemik global Covid-19 ini akan dibebani dengan risiko yang tidak perlu.

Dalam hal perlombongan berskala besar, ancaman tidak terbatas pada kekurangan air mentah dari Ulu Muda. Kualiti air mentah dari sungai ini juga akan terjejas.

Operasi perlombongan berskala besar akan menghasilkan sejumlah besar sisa toksik, serpihan dan tanah yang tercemar, yang membawa kepada perkara berikut:

- impak buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan
- sukar untuk melupuskan produk sampingan
- mencemarkan dan kontaminasi sistem air permukaan di Lembangan Sungai Muda



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

KASA, NRE dan MKN mesti memastikan bahawa Kedah tidak membahayakan keselamatan bekalan air negeri NCER iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang, yang menyumbang sekitar RM147.8 bilion pada tahun 2019 dan mata pencarian 4.2 juta orang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakah
Unit Komunikasi Korporat

Tel : 04-200 6607

Email : syarifah@pba.com.my